

25/10/1998

Tindakan berani pulih kegawatan

GEORGETOWN: Beberapa pihak di negeri ini berpendapat Belanjawan 1999 yang dibentangkan Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad sebagai tindakan berani bagi memulihkan ekonomi negara.

Mereka berpendapat belanjawan itu sebagai usaha gigih kerajaan bagi merangsang dan memulihkan semula ekonomi negara.

Presiden Persatuan Pengguna Pulau Pinang (CAP), S M Mohamad Idris, berkata belanjawan itu menunjukkan usaha berterusan kerajaan bagi membantu memulihkan ekonomi dengan merangsang sektor perniagaan.

Bagaimanapun, katanya, belanjawan itu tidak cukup berkesan bagi meningkatkan pengeluaran makanan negara bagi penggunaan tempatan.

Oleh itu, lebih banyak galakan kewangan diberikan kepada pekebun kecil untuk menghasilkan makanan.

Pengerusi Persatuan Ekonomi Malaysia (PEM), Cawangan Wilayah Utara, Francis Tan, berkata pengecualian cukai kepada agensi pelancongan dan cuti sehari pada Sabtu setiap bulan bagi kakitangan awam dapat meningkatkan industri pelancongan di negara ini.

Sementara itu, Timbalan Setiausaha Agung Kesatuan Perkhidmatan Perguruan Kebangsaan, Abdul Karim Majid, berkata belanjawan keseluruhan yang dicadangkan oleh kerajaan itu baik dan tepat pada masanya.

(END)